

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah dan inisiatif Kementerian bagi mencapai target 500 senarai harta intelektual pada akhir tahun ini bagi menggalakkan lagi platform komersial yang disediakan *IPR Marketplace*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui agensinya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk mengendalikan projek pilot iaitu Program Latihan Penilai Harta Intelek Tempatan dan juga mewujudkan pilot platform pasaran harta intelek iaitu pilot Portal *IPR Marketplace*.

Portal *IPR Marketplace* merupakan satu platform yang akan menghubungkan individu, pelabur dan peniaga dalam pengkomersilan dan perdagangan hak harta intelek dengan menyediakan kaedah dan sumber maklumat berguna terutamanya untuk pasaran global. Ia juga adalah platform untuk menyenaraikan hak Harta Intelek (IP) dalam pelbagai industri, aplikasi dan teknologi untuk dijual atau dilesenkan. Dalam erti kata lain, portal ini berfungsi sebagai pemudah cara untuk memasar dan memaksimumkan keuntungan daripada aset harta intelek.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah dan akan dijalankan bagi menggalakkan penyenaian harta intelek di platform Portal *IPR Marketplace* iaitu:

- i) Mengadakan sesi-sesi taklimat kesedaran berkaitan dengan inisiatif penilaian Harta Intelek dan *IPR Marketplace* di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pusat-pusat penyelidikan tempatan, dewan-dewan perniagaan, persatuan dan NGO, syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan usahawan-usahawan tempatan di seluruh Malaysia;

- ii) Satu program bertajuk *Conversation with Stakeholder - IP Rights Marketplace Industry Engagement* bersama dengan pemegang taruh telah diadakan pada 2 - 5 September 2014 yang lepas. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak industri tentang kepentingan pengkomersialan Harta Intelekt. Ini adalah merupakan satu inisiatif yang dijalankan untuk menggalakkan pihak industri mengkomersilkan Harta Intelekt dan menyenaraikan Harta Intelekt mereka di dalam portal *IPR Marketplace*;
- iii) Penambahbaikan kepada pilot portal *IPR Marketplace* supaya portal atau laman sesawang tersebut berinfomasi dengan maklumat terkini berkaitan dengan penilaian Harta Intelekt dan *IPR Marketplace* dan menjadi portal tersebut mesra pelanggan dan mudah untuk pendaftaran bagi menyenaraikan Harta Intelekt di *IPR Marketplace*;
- iv) MyIPO juga telah menjalinkan kerjasama bersama dengan rakan strategik yang sedia ada seperti *China Technology Exchange (CTEX)*, *Shanghai Technology Transfer Exchange (STTE)*, *Northern Technology Exchange Market (NTEM)*, *Zhejiang Provincial Science and Technology Exchange Centre (ZSTEC)*, *Office of Science and Technology (Peking University (PKU-SUZHOU))* di China, *NUS Enterprise (NUS ETP)*, *Hong Kong Trade Development Council (HKTDC)* di Singapura dan Hong Kong dalam meningkatkan dan menggalakkan penyenaian Harta Intelekt di peringkat global di portal *IPR Marketplace*; dan
- v) MyIPO telah bekerjasama dengan pihak Bank Negara dalam mengadakan persidangan bertajuk *Intellectual Property Financing*

Conference pada 23 September 2014. Persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang *IP Financing* dan *IP Monetisation* yang menjadikan Harta Intelek sebagai aset yang boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman dan diperdagangkan di *IPR Marketplace*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7127

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci tindakan dan hasil siasatan Polis Diraja Malaysia terhadap kes kematian Teoh Beng Hock selepas Mahkamah Rayuan memutuskan mengetepikan keputusan koroner dalam inkues kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua.

PDRM akan menjalankan siasatan berhubung dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 September 2014 yang mengetepikan keputusan Mahkamah Koroner dalam Inkues kematian pembantu politik DAP Teoh Beng Hock.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock adalah kematian dalam tahanan apabila ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menolak dakwaan bahawa mangsa membunuh diri. Mahkamah juga menyatakan bahawa punca kematian mangsa disebabkan oleh seseorang atau lebih dari seorang.

Satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bagi menyiasat punca dan perkara ini dengan mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan dalam semua perkara yang melibatkan PDRM. Kementerian tidak bercadang mengulas lanjut berkaitan kes ini memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan dan ianya dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan tersebut.